

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP [ MERBOK ]**

**SOALAN NO. 335**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah peruntukan yang disediakan untuk membaik pulih rumah-rumah asnaf yang tidak tersenarai dalam sistem e-kasih memandangkan tidak semua asnaf peka dengan sistem pendaftaran e-kasih ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa komited dalam melaksanakan tanggungjawab memelihara kebajikan rakyat supaya dapat menikmati kehidupan yang sejahtera. Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) merupakan usaha Kerajaan bagi membolehkan rakyat mendiami rumah yang lebih selamat dan selesa khususnya kepada kumpulan sasar golongan miskin dan miskin tegar di kawasan luar bandar.
2. Sumber data utama bagi penerima bantuan adalah melalui Bank Data Kemiskinan Nasional (e-Kasih) dan senarai daripada *Focus Group* Daerah/ Negeri. Walau bagaimanapun, Kementerian turut menerima permohonan secara individu/ berkelompok serta aduan melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA). Selain

## NO. SOALAN: 335

itu, bagi memastikan tiada golongan yang tertinggal, Kementerian turut mengadakan program *Search and Assist* yang dilaksanakan oleh pegawai kementerian serta agensi. Kepelbagaian sumber data penerima PPRT memastikan bantuan dapat diberikan dengan lebih menyeluruh.

3. Kriteria kumpulan sasar penerima bantuan PPRT yang **LAYAK** adalah seperti berikut:

- a. disahkan sebagai miskin tegar atau miskin yang berdaftar dalam Bank Data Kemiskinan Nasional (e-Kasih); atau
- b. diperaku dan disahkan layak oleh Mesyuarat *Focus Group* Pembasmian Kemiskinan Peringkat Daerah (FGD) atau Negeri (FGN) atau jawatankuasa yang setara dengannya di peringkat negeri; atau
- c. diperaku oleh agensi-agensi kerajaan yang terlibat dalam program pembasmian kemiskinan; atau
- d. diperaku oleh jawatankuasa di peringkat Kementerian

4. Selain memenuhi kriteria-kriteria kelayakan di atas, keutamaan bantuan diberikan kepada:

- a. warga emas;
- b. orang kurang upaya (OKU);
- c. ibu/bapa tunggal yang mempunyai tanggungan ramai; dan
- d. mangsa bencana yang berskala kecil.

5. Secara umumnya, mana-mana pemohon yang memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan, layak untuk menerima bantuan walaupun tidak tersenarai dalam sistem eKasih.